

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan setakat ini untuk merapatkan jurang kesenjangan pendapatan yang semakin melebar dan mencapai pendapatan per kapita GNI USD15,000 menjelang 2020 memandangkan kira-kira 30% daripada isi rumah masih berpendapatan kurang dari RM3000.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, Malaysia telah berjaya mengurangkan ketakseimbangan pendapatan. Ini dapat ditunjukkan melalui pengurangan indeks pekali Gini yang mengukur ketidakseimbangan pendapatan daripada 0.443 pada tahun 1999 kepada 0.441 pada tahun 2009 dan seterusnya 0.431 pada tahun 2012. Kejayaan Malaysia untuk mengurangkan ketakseimbangan pendapatan dan seterusnya mencapai status negara berpendapatan tinggi adalah berasaskan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk:

- i. langkah merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;
- ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputra minoriti Sabah dan Sarawak;
- iii. pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti;
- iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak

RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;

- v. program-program latihan bagi golongan khusus yang masih ketinggalan dalam pembangunan negara seperti masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak; dan
- vi. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Sekian. Terima kasih.